**GARIS PANDUAN**
**PERMOHONAN UNTUK MENJADI SYARIKAT AP TERBUKA**

---

## 1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini merangkumi syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai syarikat AP Terbuka (Kereta dan Motosikal) dan prosedur permohonan.

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MEMOHON

2.1. Syarikat-syarikat yang layak memohon adalah seperti berikut:

(i) Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bertaraf Sdn. Bhd.;

(ii) Syarikat berstatus Bumiputera yang memenuhi kriteria berikut:

a) Saham-saham syarikat dimiliki 100 peratus oleh individu Bumiputera;

b) Semua Ahli Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada Bumiputera;

c) Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan/Pengurus Besar, Pengurus Cawangan, Pengurus Pemasaran/Jualan dan jawatan-jawatan penting lain (*key posts*) hendaklah dipegang oleh Bumiputera; dan

d) Pengurusan kewangan syarikat hendaklah dikuasai oleh Bumiputera termasuk kuasa menandatangani cek.

(iii) Syarikat yang mempunyai pengalaman minimum dua (2) tahun dan sedang beroperasi dalam apa-apa bidang perniagaan;

(iv) Mempunyai modal berbayar minimum RM1 juta;

(v) Syarikat tidak mempunyai perubahan pemegang saham/Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh dua (2) tahun sebelum memohon untuk mendapatkan AP Terbuka;

(vi) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka kereta, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka kereta lain;

(vii) Sekiranya syarikat memohon AP Terbuka motosikal, pemegang saham/Pengarah/Pengurusan syarikat tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat AP Terbuka motosikal lain;

(viii) Syarikat mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa sedia ada di peringkat pengurusan, pemasaran dan teknikal minimum seramai lima (5) orang pekerja tempatan;

(ix) Syarikat memiliki atau menyewa kemudahan ruang pejabat yang bersesuaian; dan

(x) Syarikat mempunyai keupayaan dari segi pengurusan dan kewangan untuk menjalankan perniagaan penjualan kenderaan yang diimport melalui AP Terbuka dan dibuktikan dengan rekod jualan yang dinyatakan melalui penyata kewangan telah diaudit untuk tempoh dua (2) tahun terkini.

2.2. Syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) yang telah disenarai hitam oleh Kementerian tidak layak memohon.

## 3. PROSEDUR PERMOHONAN

### 3.1. Borang Permohonan

(i) Syarikat perlu mengemukakan Borang Permohonan AP Terbuka beserta dokumen yang disenaraikan dalam borang permohonan kepada Kementerian ini;

(ii) Borang permohonan boleh diperolehi dengan memuat turun di www.miti.gov.my; dan

(iii) Tarikh kuatkuasa adalah pada 1 Julai 2024.

### 3.2. Penghantaran Permohonan

Permohonan AP Terbuka yang lengkap boleh dikemukakan melalui pos dan dialamatkan kepada:

**Pengarah**
**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**
Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Aras 7, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur

(Serahan tangan boleh dibuat di kaunter 8, Pusat Khidmat Sehenti MITI. Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)

3.3. Permohonan yang diterima akan disemak, sekiranya lengkap dan memenuhi syarat, pengauditan akan dijalankan ke atas syarikat.

## 4. PERINGATAN

Syarikat-syarikat diingatkan bahawa:

(i) Kementerian tidak melantik mana-mana pihak sebagai ejen/pengantara untuk menerima dan menilai permohonan AP Terbuka;

(ii) Sebarang pemalsuan maklumat berkaitan permohonan AP Terbuka akan menyebabkan permohonan syarikat dibatalkan dan syarikat (termasuk Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham) akan disenarai hitam;

(iii) Penerimaan borang permohonan berserta dokumen tidak menjamin kelulusan dan hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses. Permohonan yang tidak lengkap dan/atau gagal memenuhi syarat akan ditolak secara serta-merta;

(iv) Proses penilaian adalah berdasarkan pematuhan kepada syarat-syarat kelayakan untuk memohon sebagai syarikat AP Terbuka dan hasil dapatan audit oleh Kementerian; dan

(v) Proses penilaian ini juga tertakluk kepada dasar semasa, garis panduan dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

## 5. PERTANYAAN LANJUT

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan permohonan AP Terbuka, sila hubungi:

**Seksyen Kawalan Eksport dan Import**
**Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri**
**Kementerian Pelaburan, Perdagangan Industri**
**Aras 2, Menara MITI**
**No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah**
**50480 Kuala Lumpur**

| | | |
|---|---|---|
| Nombor telefon | : | 03 - 6208 4711/4713/4728/4729/4733 |
| E-mel | : | apterbuka@miti.gov.my |

(dikemaskini pada 1 Julai 2024)

**MITI.700-5/ / Jld. ( )**

# BORANG PERMOHONAN AP TERBUKA
## *OPEN AP APPLICATION FORM*

| | |
|---|---|
| 1. | Sila baca dan fahami Garis Panduan sebelum anda mengisi borang ini.<br><br>*Please read and understand the guidelines before completing this form.* |
| 2. | Sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan.<br><br>*Please complete all required information.* |
| 3. | Permohonan yang tidak lengkap dan/atau tidak memenuhi kriteria kelayakan tidak akan dipertimbangkan.<br><br>*Incomplete and/or ineligible application will not be considered.* |
| 4. | Maklumat yang dikemukakan di dalam permohonan dianggap **SULIT**.<br><br>*The information submitted in this application is considered* ***PRIVATE AND CONFIDENTIAL***. |
| 5. | Borang Permohonan Asal yang lengkap boleh dikemukakan melalui serahan tangan atau pos:<br><br>*The completed original application form must be submitted by hand or post:*<br><br>**Serahan Tangan**<br><br>Kaunter 8<br>Seksyen Kawalan Eksport dan Import<br>Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri<br>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri<br>Aras 2, Menara MITI<br>No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah<br>50480 Kuala Lumpur<br><br>(Waktu Operasi: 9.00 pagi hingga 4.00 petang pada setiap hari kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum)<br><br>**Pos**<br><br>Pengarah<br>Seksyen Kawalan Eksport dan Import<br>Bahagian Sokongan Perdagangan dan Industri<br>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri<br>Aras 7, Menara MITI<br>No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah<br>50480 Kuala Lumpur |

| **Untuk kegunaan pejabat sahaja/ *For Official Use Only*** | |
|---|---|
| **Tarikh terima**<br>*Date of Receipt* | **No. Rujukan**<br>*Reference No.* |
| | |

**MITI.700-5/ / Jld. ( )**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN AP TERBUKA**

*OPEN AP APPLICATION CHECKLIST*

**Sila tanda (√) di ruang yang berkenaan**
*Please tick (√) in the appropriate box*

| | | |
|---|---|---|
| **No. Rujukan MITI**<br>*Reference No.* | | |
| **Nama Syarikat**<br>*Company Name* | | |
| **Jenis Permohonan**<br>*Type of Application* | **Kereta**<br>*Car* | **Motosikal**<br>*Motorcycle* |
| | | |

| | **Perkara** | **√ / X** |
|---|---|---|
| 1. | **1 *Hardcover PVC Ring File* 80mm (Putih)**<br>*1 Hardcover PVC Ring File 80mm (White)* | |
| | **SET A (1 salinan dicetak /** 1 *printed copies***)** | **√ / X** |
| 2. | **Permohonan AP Terbuka**<br>*Open AP Application* | |
| | **a. Borang Permohonan AP Terbuka**<br>*Open AP Application Form* | |
| | **b. Resolusi Ahli Lembaga Pengarah (ALP) mengenai persetujuan untuk membuat permohonan AP Terbuka bagi syarikat yang mempunyai lebih daripada seorang ALP**<br>*Board of Directors Resolution on approval for Open AP applications for companies with more than one Director* | |
| | **SET B (1 salinan dicetak /** 1 *printed copy***)** | |
| 3. | **Profil Syarikat – Carta Organisasi**<br>*Company Profile – Organisation Chart* | |
| 4. | **Dokumen Terkini Syarikat Berdaftar (Disahkan oleh SSM)**<br>*Latest Document of Registered Company (Certified Copy by SSM)* | |
| | a. **Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan sebelum 31 Januari 2017);*<br><br>**ATAU**<br><br>**Borang Permohonan Pendaftaran Syarikat, Seksyen 14 (Akta Syarikat, 2016) dengan nombor syarikat**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan selepas 31 Januari 2017)*<br><br>*Memorandum and Article of Association/*Section 14 (Companies Act 2016) Application for Registration of a Company (Particular of Company/Particulars of Director/Particulars of Members)* | |

| Perkara | | √ / X |
|---|---|---|
| | b **Salinan Borang 9 (Akta Syarikat, 1965)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan sebelum 31 Januari 2017);*<br><br>**<u>ATAU</u>**<br><br>**Salinan Sijil Pemerbadanan Syarikat Persendirian, Seksyen 17 (Akta Syarikat, 2016)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan selepas 31 Januari 2017)*<br><br>*Copy of Form 9 (Company Act, 1965)/*Section 17 (Company Act, 2016) Certificate of Incorporation of Private Company* | |
| | c. **Salinan Borang 13 (Akta Syarikat, 1965)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan sebelum 31 Januari 2017);*<br><br>**<u>ATAU</u>**<br><br>**Salinan Perakuan Pemerbadanan Atas Pertukaran Nama Syarikat, Seksyen 28 (Akta Syarikat, 2016), sekiranya ada.**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan selepas 31 Januari 2017)*<br><br>*Copy of Form 13 (Company Act, 1965)/*Section 28 (Company Act,2016) Certificate of Incorporation on Change of Company Name, if applicable.* | |
| | d. **Salinan Borang 24 (Akta Syarikat, 1965)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan sebelum 31 Januari 2017);*<br><br>**<u>ATAU</u>**<br><br>**Salinan Pendaftaran Pemegang Saham dan *Return of Allotment of Shares,* Seksyen 51 dan Seksyen 78 (Akta Syarikat, 2016)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan selepas 31 Januari 2017)*<br><br>*Copy of Form 24 (Company Act, 1965)/*Section 51 and Section 78 (Company Act, 2016) Register of Members and Return of Allotment of Shares*<br><br>**<u>WAJIB</u>**<br><br>Salinan Borang Teras (Akta Syarikat, 1965) | |
| | e. **Salinan Borang 49 (Akta Syarikat, 1965)**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan sebelum 31 Januari 2017);*<br><br>**<u>ATAU</u>**<br><br>**Salinan Perubahan Pengarah/Pengurus dan Setiausaha Syarikat, Seksyen 58 (Akta Syarikat, 2016).**<br>*(bagi syarikat yang ditubuhkan selepas 31 Januari 2017)*<br><br>*Copy of Form 49 (Company Act, 1965)/*Section 58 Notification of Change in the Register of Director/Officer/Managers and Secretaries (Company Act, 2016).*<br><br>**<u>WAJIB</u>**<br><br>Salinan Borang Butir-butir Pengarah / Pegawai (Akta Syarikat, 1965) | |

*** Merujuk kepada pelaksanaan Akta Syarikat 2016 pada 31 Januari 2017, hanya terpakai untuk syarikat baru yang diperbadankan pada 31 Januari 2017 dan ke atas sahaja.**

** Following the implementation of the new Companies Act 2016 on 31 January 2017 (for new companies incorporated on 31 January 2017 onwards.*

| Perkara | | √ / X |
|---|---|---|
| 5. | **Penyata KWSP tiga (3) bulan terkini**<br>*Latest three (3) months EPF statement* | |
| 6. | **Dokumen Ibu Pejabat / Cawangan / Ruang Pameran / Ruang Simpan**<br>*Headquarters / Branch / Showroom / Warehouse related document* | |
| | **a. Lesen Perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**<br>*Business Licence by Local Authority* | |
| | **b. Perjanjian jual beli / sewaan**<br>*Sales and Purchase / Lease Agreement* | |
| | **c. Gambar premis**<br>*Photo of the premis* | |
| | **d. Salinan geran tanah premis / bukti hak milik tanah, sekiranya ada.**<br>*Copy of the land grant / proof of land ownership, if applicable.* | |
| 7. | **Rancangan Perniagaan sekiranya syarikat Sebagai Syarikat AP Terbuka**<br>*Business Plan if company is appointed as the Open AP Company* | |
| 8. | **Biodata/CV Pasukan Pengurusan yang Dicadangkan**<br>*CV of the Proposed Management Team* | |
| **SET C (1 salinan dicetak /** 1 *printed copies***)** | | |
| 9. | **Penyata Kewangan diaudit bagi tempoh dua (2) tahun terkini**<br>*Audited Financial Report for the last two (2) years* | |
| 10. | **Maklumat Ringkas Kewangan Syarikat – *MyData SSM***<br>*Key Financial Report (Summary of Financial Information) – MyData SSM* | |
| 11. | **Slip pengisytiharan dan resit bayaran cukai syarikat termasuk pengesahan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk bayaran secara ansuran bagi tempoh dua tahun terkini. Semua dokumen hendaklah disahkan oleh LHDN**<br>*Company's declaration slip and tax payment receipt including installment payment confirmation by Inland Revenue Board for the last two years. All documents must be certified by the* LHDN | |
| 12. | **Penyata Bank sekurang – kurangnya dua puluh empat (24) bulan terkini**<br>*Latest twenty four (24) months bank statement* | |
| 13. | **Sijil Anak Negeri asal atau sijil lahir yang telah disahkan (bagi bumiputera Sabah & Sarawak sahaja)**<br>*Original Native Certificate or certified birth certificate (for Sabah & Sarawak bumiputeras only)* | |

Nota: Selaras dengan peringatan di Perenggan 4(iii) Garis Panduan Permohonan untuk Menjadi Syarikat AP Terbuka iaitu “*permohonan yang tidak lengkap dan/atau gagal memenuhi syarat akan ditolak secara serta-merta*”.

MITI.700-5/ / Jld. ( )

## BORANG PERMOHONAN AP TERBUKA KENDERAAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **JENIS PERMOHONAN**<br>Tandakan (√) pada ruang yang berkenaan | | | |
| ☐ | Kereta | | | |
| ☐ | Motosikal | | | |
| **2.** | **PROFIL SYARIKAT MEMOHON**<br>Isi menggunakan **DAKWAT HITAM** dan **HURUF BESAR** | | | |
| **Nama Syarikat** | : | | | |
| **No. Syarikat** | : | | | |
| **Jenis Perniagaan** | : | | | |
| **Tempoh Pengalaman** | : | | | |
| **Alamat Surat Menyurat** | : | | | |
| | | | | |
| | | **Poskod** : | **Negeri** : | |
| | | **No. Telefon** : | **No. Faks** : | |
| | | **Emel** : | | |
| **Alamat Ibu Pejabat/ Berdaftar**<br><br>*kosongkan jika sama seperti alamat surat menyurat | : | | | |
| | | | | |
| | | **Poskod** : | **Negeri** : | |
| | : | **No. Telefon** : | **No. Faks** : | |
| | | **Emel** : | | |
| **Alamat Cawangan, Ruang Pameran atau/dan Ruang Simpanan**<br><br>(sekiranya ada) | : | | | |
| | | | | |
| | | **Poskod** : | **Negeri** : | |
| | | **No. Telefon** : | **No. Faks** : | |
| | | **Emel** : | | |
| **Modal Berbayar Terkini** | : | **RM**_______________ | | |
| **Bilangan Pekerja** | : | **Tetap** : ________**orang** | | |
| | : | **Kontrak** : ________**orang** | | |
| | : | **Sambilan** : ________**orang** | | |

| | | |
|---|---|---|
| **Perubahan Nama Syarikat dalam Tempoh Dua (2) Tahun Terkini** | : | **Tandakan (√) pada ruang yang berkenaan**<br><br>[ ] Ada [ ] Tiada<br><br>Nama syarikat sebelum perubahan<br><br>**……………………………………………………………..**<br><br>Tarikh kuat kuasa perubahan nama syarikat (dd/mm/yyyy)<br><br>**………………………** |
| **Perubahan Alamat Ibu Pejabat Syarikat dalam Tempoh Dua (2) Tahun Terkini** | : | **Tandakan (√) pada ruang yang berkenaan**<br><br>[ ] Ada [ ] Tiada<br><br>Alamat Ibu Pejabat syarikat sebelum perubahan<br><br>**……………………………………………………………..**<br><br>Tarikh kuat kuasa perubahan alamat ibu pejabat syarikat (hari/bulan/tahun)<br><br>**………………………** |

**3. MAKLUMAT PEMEGANG SAHAM DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH**

**Senarai Pemegang Saham**

(Sediakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)

| | Nama dan No. Kad Pengenalan | Unit Saham (RM) | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|
| i. | | | |
| ii. | | | |
| iii. | | | |
| iv. | | | |
| v. | | | |
| vi. | | | |

<table>
<tr><td rowspan="1">Senarai Ahli Lembaga Pengarah<br><br>(Sediakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)</td>
<td>
<table>
<tr><th colspan="2">Nama</th><th>No. Kad Pengenalan</th></tr>
<tr><td>i.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>ii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>iii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>iv.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>v.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>vi.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>vii.</td><td></td><td></td></tr>
</table>
</td></tr>
<tr><td>Senarai Pengurusan Tertinggi Syarikat<br><br>(Sediakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi)</td>
<td>
<table>
<tr><th colspan="2">Nama dan No. Kad Pengenalan</th><th>Jawatan Sedia Ada / Setara</th></tr>
<tr><td>i.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>ii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>iii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>iv.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>v.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>vi.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>vii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>viii.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>ix.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>x.</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>xi.</td><td></td><td></td></tr>
</table>
*Pengisian nama boleh berulang sekiranya seorang individu memiliki lebih daripada satu jawatan
</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| **Pemegang Saham / Ahli Lembaga Pengarah / Pengurusan Tertinggi mempunyai kepentingan / jawatan di syarikat AP Terbuka yang lain** | : | **Tandakan (√) pada ruang yang berkenaan**<br>[ ] Ada [ ] Tiada<br>Nama Syarikat AP Terbuka yang lain<br>**……………………………………………….** |
| **Perubahan Pemegang Saham dalam tempoh dua (2) tahun terkini**<br>(Sediakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi) | | (see table below) |
| **Perubahan Ahli Lembaga Pengarah dalam tempoh dua (2) tahun terkini**<br>(Sediakan lampiran sekiranya ruangan tidak mencukupi) | | **Tandakan (√) pada ruang yang berkenaan**<br>[ ] Ada [ ] Tiada<br>**Nama Ahli Lembaga Pengarah Terdahulu** (see table below) |

Perubahan Pemegang Saham dalam tempoh dua (2) tahun terkini:

| | Nama dan No. Kad Pengenalan | Unit Saham (RM) | Peratusan (%) | Tarikh Kuat Kuasa Perubahan |
|---|---|---|---|---|
| i. | | | | |
| ii. | | | | |
| iii. | | | | |
| iv. | | | | |
| v. | | | | |
| vi. | | | | |
| vii. | | | | |

**Nama Ahli Lembaga Pengarah Terdahulu**

| | Nama | No. Kad Pengenalan |
|---|---|---|
| i. | | |
| ii. | | |
| iii. | | |

## 4. SURAT AKUAN SUMPAH AHLI LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT

Saya,………………………………………………………… No. Kad Pengenalan:……………………………
seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di
…………………………………………………………………………………………………..……………
……………………………………………………(alamat kediaman terkini) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat……………………………………………...

   (nama syarikat) yang beralamat di………………………………………………………… (“Syarikat”) dan telah diberi kuasa sewajarnya untuk membuat permohonan AP Terbuka dan perakuan ini bagi pihak syarikat;
2. Saya mengesahkan bahawa Ahli Lembaga Pengarah dan pemegang saham syarikat tiada sebarang rekod mahupun sedang dikenakan tindakan di bawah kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri alaysia (LHDN) dan Jabatan Insolvensi Malaysia;
3. Semua maklumat yang dikemukakan berkaitan Permohonan AP Terbuka dan dokumen sokongan yang dilampirkan bersama-sama Permohonan AP Terbuka adalah benar dan kelulusan Permohonan AP Terbuka adalah berdasarkan perakuan ini;
4. Saya sedar bahawa ia adalah suatu kesalahan jenayah sekiranya didapati maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah palsu;
5. Saya juga sedar sekiranya didapati sebarang maklumat dan dokumen yang dikemukakan adalah palsu,maka Permohonan AP Terbuka berhak dibatalkan dan Syarikat termasuk semua pemegang saham dan ahli lembaga pengarah syarikat secara individual berhak disenarai hitam dari mengemukakan semula Permohonan AP Terbuka; dan
6. Saya membuat perakuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu:

| | |
|---|---|
| Di (alamat)……………………………………………… <br> ……………………………………………………… <br> Di Negeri ……………………………………………… <br> Pada…..haribulan……………………..tahun………….. | …………………………….…... <br> (tandatangan) |

Di hadapan saya,

……………………………………………………………………………
*(Tandatangan Hakim Mahkamah Seksyen,
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah)

*Potong mana yang tidak berkenaan
*Resolusi ALP mengenai persetujuan untuk permohonan AP Terbuka yang ditandatangani ini perlu dilampirkan bersama bagi syarikat yang mempunyai lebih daripada seorang ALP.